



REKOD PINDAAN DOKUMEN KUALITI

Pindaan PKK BPP dan PKK GPP adalah selaras dengan Piagam Pelanggan Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan yang telah lulus pada 17 Mac 2023 dan penempatan Pengarah baharu pada 7 Februari 2023.

No. Keluaran	Tarikh	Keterangan Ringkasa	Muka Surat Terlibat	Kelulusan
5	13 Oktober 2023	<u>PKK BPP dan PKK (GPP) 01</u> Meminda prosedur selaras dengan a) Perubahan nama Pengarah Bahagian; b) Pengemaskinian Piagam Pelanggan 2023; c) Pengisian yang terkini di Bahagian	Muka surat 1 JPBD (IP) PKK BPP, dan Muka surat 3 dan 4 JPBD (IP) PKK (GPP) 01	

PLANMalaysia	PROSEDUR KUALITI KHAS		MUKA SURAT : Aiii
	JPBD (IP) PKK BPP	NO. KELUARAN 4	TARIKH : 15 OGOS 2022

REKOD PINDAAN DOKUMEN KUALITI				
Pindaan dokumen JPBD (IP) PKK dan JPBD (IP) PKK (GPP)01 selaras dengan persetujuan Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) pada 15 Ogos 2022.				
No. Keluaran	Tarikh	Keterangan Ringkas	Muka Surat Terlibat	Kelulusan
4	15 Ogos 2022	<u>PKK BPP dan PKK (GPP)01</u> Meminda prosedur selaras dengan a) perubahan nama Pegawai Pengurusan Tertinggi/ Wakil Pengurusan dan Pengarah Bahagian; b) gugurkan kajian secara dalaman yang memerlukan kelulusan terma rujukan, laporan awal, laporan teknikal draf awal serta draf akhir; dan c) pengisian yang terkini di Bahagian.	Muka surat 3 JPBD (IP) PKK BPP; dan Muka surat 1 dan 2 JPBD (IP) PKK (GPP) 01	

PLAN Malaysia	PROSEDUR KUALITI KHAS		MUKA SURAT : Aii
	JPBD (IP) PKK BPP	NO. KELUARAN 3	TARIKH : 19 MEI 2020

REKOD PINDAAN DOKUMEN KUALITI				
Pindaan dokumen JPBD (IP) PKK BPP dan JPBD (IP) PKK (GPP) 01 selaras dengan persetujuan Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) pada 19 Mei 2020.				
No. Keluaran	Tarikh	Keterangan Ringkas Pindaan	Muka Surat Terlibat	Kelulusan
3	19 Mei 2020	<u>PKK BPP dan PKK (GPP) 01</u> Meminda prosedur selaras dengan a) perubahan nama Pegawai Pengurusan Tertinggi/ Wakil Pengurusan dan Pengarah Bahagian; dan b) amalan semasa iaitu proses penyediaan kajian GPP baharu akan mengambil masa selama 18 bulan bermula daripada peringkat lantikan perunding sehingga ke peringkat pembentangan di Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan.	Muka surat i dan ii, 1, 3 JPBD (IP) PKK BPP; dan Muka surat 1 hingga 5 JPBD (IP) PKK (GPP) 01 	

PLANMalaysia	PROSEDUR KUALITI KHAS		MUKA SURAT : Ai
	JPBD (IP) PKK BPP	NO. KELUARAN 2	TARIKH : 12 OKTOBER 2018

REKOD PINDAAN DOKUMEN KUALITI				
Pindaan PKK BPP selaras dengan Keputusan Mesyuarat Pagi Bil. 16/2018 pada 12 Oktober 2018.				
No. Keluaran	Tarikh	Keterangan Ringkas Pindaan	Muka Surat Terlibat	Kelulusan
2	12 Oktober 2018	<u>PKK BPP dan PKK (GPP) 01</u> Meminda prosedur selaras dengan penjenamaan semula nama Jabatan dan perubahan mengikut amalan semasa	Muka surat berkaitan	

PLAN Malaysia	PENYEDIAAN GARIS PANDUAN PERANCANGAN		MUKA SURAT : i
	JPBD(IP) PKK GPP	NO. KELUARAN: 1	TARIKH: 10 OGOS 2017

PKU01-L4

REKOD PINDAAN DOKUMEN KUALITI				
Meminda keseluruhan Prosedur Kualiti Khas (PKK) Penyediaan Garis Panduan Perancangan (GPP) Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan selaras dengan penjenamaan semula Jabatan dan pertukaran pengurusan tertinggi serta peralihan standard ISO versi 2015 yang telah diluluskan di Mesyuarat Pagi PLANMalaysia bil. 11/2017 bertarikh 10 Ogos 2017.				
No. Keluaran	Tarikh	Keterangan Ringkas Pindaan	Muka Surat Terlibat	Kelulusan
1	10/8/2017	Meminda keseluruhan prosedur selaras dengan perubahan dan amalan semasa	Seluruh Dokumen	

Singkatan

- | | | | |
|-----|-------------------|---|---|
| 1. | BPP | - | Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan |
| 2. | BK | - | Bahagian Korporat |
| 3. | GPP | - | Garis Panduan Perancangan |
| 4. | J/K | - | Jawatankuasa |
| 5. | JK Penyelarasan | - | Jawatankuasa Penyelarasan |
| 7. | JPBD (IP) | - | Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (Ibu Pejabat) |
| 8. | JPP | - | Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan |
| 9. | KP | - | Ketua Pengarah |
| 10. | KPP | - | Ketua Penolong Pengarah |
| 11. | KPPK | - | Ketua Penolong Pengarah Kanan |
| 12. | KU | - | Ketua Unit |
| 13. | Pgh. BPP | - | Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan |
| 14. | PBN | - | Pihak Berkuasa Negeri |
| 15. | PBT | - | Pihak Berkuasa Tempatan |
| 16. | PP | - | Pegawai Perancang Bandar |
| 17. | PPK | - | Pegawai Perancang Bandar Kanan |
| 18. | PPP | - | Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa |
| 19. | PPPK | - | Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Kanan |
| 20. | TKP (Pembangunan) | - | Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) |
| 21. | TP | - | Timbalan Pengarah |

Terminologi

Kajian Garis Panduan Perancangan

Kajian Secara Dalaman	- Kajian Garis Panduan Perancangan yang disediakan secara dalaman yang terdiri daripada lapisan pegawai BPP.
Kajian Melibatkan Perunding	- Kajian Garis Panduan Perancangan yang disediakan oleh perunding dan diselaraskan oleh Pasukan Kajian.
Pasukan Kajian	- Terdiri daripada pegawai di BPP, PLANMalaysia dan Perunding (sekiranya ada).
Laporan Terma Rujukan	- Dokumen yang disediakan sebagai panduan terma penyediaan Garis Panduan Perancangan.
Laporan Awal	- Dokumen yang perlu disediakan oleh Perunding yang menerangkan skop garis panduan, metodologi kajian, program kajian, kos kajian dan hasil kajian.
Laporan Teknikal	- Dokumen yang menerangkan penemuan analisis kajian selaras dengan keperluan matlamat, objektif, skop kajian yang disediakan menggunakan teknik analisis yang ditentukan. Dokumen ini juga mengemukakan cadangan awal garis panduan umum dan khusus.
Jawatankuasa Penyelarasan	- Mesyuarat yang dipengerusikan oleh TKP Pembangunan/ Pengarah BPP untuk membincangkan dan meluluskan Laporan Awal dan Laporan Draf Garis Panduan Perancangan.
Laporan Garis Panduan Perancangan	- Dokumen yang mengandungi kenyataan bertulis yang menjadi panduan dan rujukan dalam memajukan pembangunan. Ianya digunakan oleh pihak berkuasa perancang tempatan (PBPT) dalam mengawal pembangunan agar bersifat seragam, selesa dan selamat dalam aktiviti guna tanah. Setiap pemajuan oleh sesiapaapun, perlu mengikuti garis panduan yang telah ditetapkan.

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Peranan

Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) berfungsi untuk menjamin kualiti dan kecekapan perkhidmatan perancangan bandar dan desa di semua peringkat kerajaan melalui hasil penemuan dan rumusan kajian-kajian penyelidikan yang lengkap, inovatif, progresif, mampan dan saintifik. Peranan Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan adalah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan perancangan bandar dan desa secara berterusan melalui pengendalian garis panduan perancangan dan kajian-kajian penyelidikan yang dapat dirujuk untuk tujuan perancangan dan pembangunan bandar dan desa.

1.2 Matlamat

Menghasilkan kajian penyelidikan perancangan yang berkualiti dan praktikal ke arah mencapai pembangunan bandar dan desa yang mampan dan komuniti sejahtera.

2.0 OBJEKTIF KUALITI

Objektif kualiti Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan adalah seperti berikut:

Kajian Penyelidikan/Garis Panduan Perancangan :

- i. Menyediakan kajian penyelidikan/garis panduan perancangan selaras dengan dasar pembangunan negara, prinsip perancangan dan amalan terbaik (*best practices*) di dalam dan luar negara;
- ii. Menyediakan satu (1) kajian penyelidikan/garis panduan perancangan dalam masa 12-18 bulan;
- iii. Memastikan kajian perancangan menggunakan pendekatan terkini, saintifik, kreatif, inovatif dan praktikal; dan
- iv. Mengkaji semula garis panduan perancangan bagi menyesuaikan dengan perubahan dasar dan keperluan semasa.

Input Kepakaran, Kolaborasi dan Perkongsian Pintar :

- i. Memberi input kepakaran kepada bahagian-bahagian lain dalam jabatan dan agensi atau pihak lain yang berkepentingan;
- ii. Mewujudkan kolaborasi dan perkongsian pintar dengan institusi pengajian tinggi, penyelidikan dan badan iktisas dalam dan luar negara; dan
- iii. Menyediakan kertas kerja dan ucapnama berkaitan dengan penyelidikan perancangan.

Sebaran dan Hebahan :

- i. Mengadakan sesi *teach-in*, *expert talk*, forum, rundingan meja bulat, seminar, bengkel dan sebagainya berkaitan dengan penyelidikan perancangan; dan
- ii. Menerbitkan monograf, jurnal dan buletin penyelidikan perancangan.

3.0 SKOP PENYEDIAAN DOKUMEN

Dokumen Prosedur Kualiti Khas (PKK) ini disediakan khusus untuk prosedur penyediaan Garis Panduan Perancangan (GPP) yang merupakan aktiviti utama di Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa). Ia merupakan salah satu daripada dokumen-dokumen PKK disediakan di bawah Sistem Kualiti Perkhidmatan Perancangan Bandar dan Desa yang didaftarkan untuk persijilan MS ISO 9001 : 2015.

Garis Panduan Perancangan (GPP) merangkumi penghasilan garis panduan, piawaian dan manual perancangan. Aspek perancangan yang menjadi tumpuan adalah seperti perumahan, kemudahan masyarakat, infrastruktur, petempatan, alam sekitar, pembangunan mampan, reka bentuk bandar, teknik perancangan dan metodologi perancangan. Dokumen ini mengandungi satu (1) prosedur kualiti khas yang perlu dilaksanakan oleh semua lapisan pegawai di Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (BPP). Dokumen ini digunapakai bagi GPP yang disediakan sama ada secara dalaman atau melibatkan input perunding.


4.0 STRUKTUR ORGANISASI BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (BPP)

Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (BPP) terletak di bawah tanggungjawab Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) dan diketuai oleh seorang Pengarah. Bahagian ini terdiri daripada enam (6) unit pengkhususan penyelidikan perancangan. Setiap unit diketuai oleh Ketua Unit. Unit-unit pengkhususan adalah:

- i. Unit Alam Sekitar dan Pengurusan Risiko;
- ii. Unit Penyelidikan Guna Tanah, Industri, Perniagaan, Perumahan, Kemudahan Sosial, Infrastruktur dan Utiliti Tanah;
- iii. Unit Morfologi, Reka Bentuk dan Warisan Bandar;
- iv. Unit Metodologi Perancangan;
- v. Unit Kemampanan dan Bandar Selamat; dan
- vi. Unit Penilaian Dasar dan Penyelidikan Antarabangsa.

Struktur perjawatan Bahagian ini adalah seperti Rajah 1.0.

CARTA ORGANISASI



5.0 DOKUMEN-DOKUMEN SISTEM KUALITI

Dokumen **Prosedur Kualiti Khas** ini disediakan khusus untuk aktiviti **Garis Panduan Perancangan (GPP)** dan merupakan sebahagian daripada hierarki dokumen-dokumen sistem kualiti PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa). Prosedur Kualiti Khas atau **JPBD (IP) PKK (GPP)** Bahagian ini terdiri daripada satu (1) prosedur iaitu JPBD (IP) PKK(GPP) 01 Penyediaan Garis Panduan Perancangan.

6.0 PIAGAM PELANGGAN

Dengan itu Bahagian ini berjanji untuk:

- i. Menyediakan Garis Panduan Perancangan / Kajian Penyelidikan Dalam Tempoh Dua Belas (12) Hingga Lapan Belas (18) Bulan ;
- ii. Mengadakan Sebaran Maklumat, Perkongsian dan Pendidikan Mengenai Garis Panduan Perancangan / Hasil Penyelidikan Enam (6) Kali Setahun;
- iii. Menyediakan Laporan Status Kemampanan Bandar (MURNINets) Satu (1) Kali Setahun; dan
- iv. Memproses Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Bagi Projek Pembangunan – Kategori A Dalam Tempoh Enam Puluh (60) Hari Bekerja.